

05/12/1999

Matlamat pameran tercapai: Mahathir

Jailani Razak; Abdul Halim Yusoff

LANGKAWI: Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) mencapai matlamatnya ke arah membangunkan industri aeroangkasa tempatan serta menonjolkan sektor berkenaan di mata dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, edisi Lima kali ini, yang jauh lebih besar berbanding sebelumnya, mencatatkan perkembangan menggalakkan khususnya dari segi pengurusan.

"Lima kali ini berjaya meningkatkan minat di kalangan remaja, yang semakin ramai meminati bidang penerbangan (dan) membina pesawat percubaan sendiri.

"Sehubungan itu, saya berasakan bahawa Lima sudah mencapai kejayaan khususnya dalam menggerakkan minda rakyat mengenai pesawat, penerbangan dan pembinaan pesawat secara amnya," katanya pada sidang akhbar di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, petang semalam.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Abng Abu Bakar Mustapha dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan.

Perdana Menteri melahirkan rasa kagum kerana pelbagai kejayaan yang dicapai dalam sektor aeroangkasa di negara ini, yang disifatkannya sebagai amat pantas.

"Kita kini mampu buat sayap kapal terbang, boleh melebarkan pesawat C-130, menambah kapasiti dan membuat reka bentuk pesawat dan kita boleh menerima teknologi asas mengenai simulator penerbangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia mungkin tidak dapat membina pesawat komersil dalam tempoh terdekat, negara boleh memainkan peranan penting dalam reka bentuk pesawat.

Mengenai kedudukan kertas dasar aeroangkasa kebangsaan, Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan melaksanakan pelbagai perakuan pelan tindakan itu sebaik saja ekonomi negara pulih.

"Kini nampak ekonomi kita berjalan baik, banyak syarikat mendapat keuntungan luar jangka dan ini bermakna kerajaan juga mengutip banyak cukai dan insya-Allah kita akan mendapat lebih untuk diagihkan kepada pembangunan industri aeroangkasa ini," katanya.

Mengenai keperluan pertahanan negara, Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memperolehi persenjataan baru untuk membolehkan penyediaan sistem pertahanan yang berkesan.

(END)